

BAB 4

PERBANDINGAN DIFTONG ANTARA BAHASA MELAYU BAKU DENGAN SUBDALEK PERAK

4.0 Pengenalan

Arbak Othman (1986: 58) mendefinisikan diftong sebagai rentetan dua vokal yang mengandungi satu puncak kelantangan, yang tatkala menghasilkannya tidak ada hentian sebentar atau hiatus yang memisahkan kedua-dua vokal binaannya itu. Diftong bersifat silabis iaitu ia dicirikan satu puncak kelantangan. Kewujudan satu puncak kelantangan bagi setiap diftong itu adalah disebabkan oleh berlakunya geluncuran dalam proses penghasilannya. Ini menyebabkan salah satu vokal binaannya disebut lebih lantang.

Bunyi diftong merupakan percantuman dua bunyi vokal yang dikeluarkan dengan satu hembusan nafas sahaja. Diftong dianggap sebagai

satu suku kata dan dilambangkan oleh dua lambang vokal. Bagi bahasa Melayu baku terdapat tiga bunyi diftong iaitu [ai], [au] dan [oi], manakala subdialek Perak pula hanya mempunyai satu diftong sahaja iaitu [oi].

4.1 Diftong [ai]

Semasa menghasilkan bunyi diftong ini lidah diletakkan sebagaimana membunyikan vokal hadapan luas [a], kemudian secara cepat lidah digeluncurkan ke arah membunyikan vokal hadapan sempit [i]. Hujung lidah dinaikkan tetapi tidaklah setinggi membunyikan vokal [i]. Hujung lidah terkena pada gigi bawah dan pita suara digetarkan. Keadaan bibir menjadi terhampar. Lelangit lembut dinaikkan untuk menutup rongga hidung manakala buka antara rahang adalah antara luas dan sederhana.

Jadual 34

Sebutan Diftong [ai] Dalam Dialek Parit

Dialek Parit		
‘pakai’	⇒	[pakeɪ]
‘pandai’	⇒	[pandeɪ]
‘rambai’	⇒	[Yambɛ]

4.2 Diftong [au]

Semasa menghasilkan bunyi diftong ini kedudukan lidah pada mulanya adalah sebagaimana membunyikan vokal hadapan luas [a] dan kemudian lidah digeluncurkan ke arah membunyikan vokal belakang sempit [u]. Lidah menjadi agak melengkung ke arah lelangit keras. Bibir pada mulanya tidaklah bundar tetapi setelah digeluncurkan ia menjadi bundar. Hujung lidah hampir kena pada gigi bawah dan buka antara kedua rahang adalah antara sederhana dan luas.

Jadual 35

Sebutan Diftong [au] Dalam Dialek Parit

Dialek Parit		
‘pulau’	⇒	[puləʊ]
‘sasau’	⇒	[səsəʊ]
‘taufan’	⇒	[təʊfan]

4.3 Diftong [oi]

Semasa menghasilkan diftong ini lidah diletakkan sebagaimana vokal belakang separuh sempit [o] dan secara cepat digeluncurkan lidah ke arah membunyikan vokal hadapan sempit [i]. Lidah yang terlibat pada mulanya ialah lidah bahagian belakang kemudian bahagian hadapan lidah dinaikkan ke arah lelangit keras tetapi rendah sedikit dari cara membunyikan vokal [i]. Keadaan bibit yang menjadi bundar pada mulanya berubah menjadi agak terhampar. Buka antara kedua rahang adalah luas. Kehadirannya dalam dialek Perak adalah sama iaitu disebut juga sebagai [amboi] dan [səpoi].

Jadual 36

Sebutan Diftong [oi] Dalam Dialek Parit

Dialek Parit		
‘amboi’	⇒	[amboi]
‘kalui’	⇒	[kaloi]
‘sepoi’	⇒	[səpoi]

Menurut Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain (1986: 41) terdapat hanya satu diftong dalam dialek Perak berbanding dengan tiga yang terdapat dalam sebutan standard. Diftong dalam dialek Perak hanya terdiri daripada [oi] sahaja. Diftong ini juga mempengaruhi sebutan kata dalam bahasa Melayu baku. Contohnya seperti berikut:

- | | | |
|----------|---|----------|
| ‘betul’ | - | [bətoi] |
| ‘dodol’ | - | [dədoi] |
| ‘simpul’ | - | [simpoi] |
| ‘sepoi’ | - | [səpoi] |

Jelas, diftong [oi] dalam dialek Perak hadir pada tempat [oi] dalam sebutan baku yang ditunjukkan di atas.

Menurutnya lagi dua diftong lain yang terdapat dalam sebutan baku iaitu [ai] dan [au] digantikan oleh [ε] dan [ɔ] dalam sebutan dialek Perak. Contohnya seperti berikut:

‘pakai’	-	[pakε]
‘rambai’	-	[ambε]
‘pulau’	-	[pulɔ]
‘sasau’	-	[sasɔ]

Perubahan dari bentuk diftong ke bentuk vokal ini adalah bersistem.

Dalam dialek Perak diftong [oi] digunakan juga dalam suku kata tertutup.

Contohnya seperti berikut:

‘terus’	-	[təðoih]
‘kurus’	-	[kuðoih]

Apa yang dikatakan sebagai suatu penyimpangan di antara dua sebutan iaitu dari sebutan [os] baku di akhir perkataan [təros] dan [kuros] kepada [oih] dialek Perak di akhir perkataan.

Manakala dalam pertuturan umum, sebagai ungkapan atau ujaran yang beremosi, diftong [ai] mungkin digunakan oleh sesetengah orang Perak. Contohnya apabila seseorang membuat teguran yang membawa maksud sedikit dan rasa hairan. Seseorang itu mungkin sekali berkata:

[ai, kamu ni da? k3 lapɔ]

[Hai, kamu ni tidak ke lapor]

Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain (1986:42) turut menambah bahawa kemungkinannya juga adalah bahawa diftong [ai] digunakan oleh orang-orang Perak yang berpendidikan Inggeris sebagai unsur-unsur pertukaran kod (*code switching*). Contohnya seperti berikut:

[ai nɔ? pəgi kə sunɛ nambe? ajo]

I nak pergi ke sungai mengambil air

[ai] adalah [I] bahasa Inggeris yang bermaksud [saya]. Tetapi ada kemungkinan besar penyebutan kata [I] ini pun di kalangan orang-orang Perak yang kuat pengaruh dialeknya bukanlah [ai] tepat, tetapi jika diteliti adalah [ε]. Contohnya seseorang itu akan berkata:

[ini baju ε]

Ini baju saya.

Dari segi estetika, penggantian diftong [ai] dan [au] oleh [ε] dan [ɔ] ini memberikan kelembutan kepada dialek Perak. Penggunaan vokal di tempat diftong ini menambah kemungkinan berirama atau bermelodi kepada dialek Perak.

- i. [kami sampai di pulau tu pada pukul dua]
- ii. [kami sampε di pulɔ tu padʒ pukoi duʒ]

Ayat (i) adalah sebutan baku dan ayat (ii) adalah dalam sebutan dialek Perak. Kemungkinan mengiramakan ayat (i) tidak sebanyak kemungkinan mengiramakan ayat (ii). Ayat (i) dirasakan ‘kaku’, manakala ayat (ii) masih boleh diubah-ubah kepada:

a. [kami samp ε : di pulo tu: pad α pukoi du α]

atau

b. [kami samp ε di pulo : tu pad α pukoi du α]

Ayat (a) memanjangkan penyebutan [ε] pada kata [samp ε :] dan penyebutan [u] pada kata [tu:] Pemanjangan ini bertujuan memberi penekanan kepada kata [samp ε :] dan kepada kata [tu:]. Sekiranya penekanan yang sama hendak diberi kepada kata [sampai] dan [tu] dalam sebutan baku, maka caranya adalah berbeza iaitu dengan menambah darjah tenaga sewaktu menyebut kedua-dua perkataan itu. Ini lebih keras daripada jika hanya vokal [ε] dan [u] pada kata-kata [samp ε] dan [tu] itu diperpanjangkan sebutannya. Demikian jugalah dengan ayat (b).

Kesimpulannya, penggunaan vokal [ε] dan [o] sebagai gantian kepada diftong [ai] dan [au] tidak melanggar tatabahasa bahasa Melayu. Radio dan Televisyen Malaysia juga pernah memperkenalkan bunyi-bunyi

[ε] dan [o] ini sebagai kelainan sebutan atas dasar keindahan atau estetika.